



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY
02600 Arau, Perlis, Malaysia

CAWANGAN PERLIS

PERLIS BRANCH

Telefon : 04-9861001-2-3
Faksimili : 04-9862233

Tarikh:

Rujukan : 100-ITMCPS (HEA/KK-30/7B) Jld. 8
Tarikh : 11 Januari 1999

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

PENGESAHAN SEBAGAI PELAJAR ITM

UNTUK PROJEK : PROJEK LANDSKAP (LOKASI - ALOR SETAR)
KURSUS : DIPLOMA IN PLANTING INDUSTRY MANAGEMENT
MATA PELAJARAN : ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)

Dengan ini disahkan bahawa nama-nama seperti senarai di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA Cawangan Perlis.

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No. Kad Pelajar</u>
1.	Ranggi a/k Sani	96616076
2.	Shalmon Sanangan	96639660
3.	Rivelino Carter Moinin	96639646
4.	Mohd Zin Rahaman	96398638

Untuk makluman tuan/puan mereka ini sedang mengikuti mata pelajaran yang tersebut di atas sebagai keperluan kursus sebelum dianugerahkan Diploma.

Untuk membolehkan mereka menyiapkan kertas projek tersebut, mereka memerlukan maklumat atau bahan dari pihak tuan/puan.

Sehubungan dengan itu, sukacita kami sekiranya pihak tuan/puan dapat membekalkan apa-apa maklumat atau bahan yang diperlukan oleh mereka seperti brosur, risalah dan sebagainya. Sekiranya bahan yang diperlukan oleh pelajar itu merupakan dokumen penting pejabat, ianya bolehlah dibuat salinan fotostat dan kosnya ditanggung oleh pelajar. Maklumat atau bahan yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik.

Kerjasama pihak tuan/puan dalam hal ini sangat-sangat kami hargai dan pihak ITM Cawangan Perlis mendahuluinya dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Yang benar,


DR. HJ. KHUDZIR HJ. ISMAIL
Timbalan Provos HEA
b/p Provos

s.k: 1. En. Abd Rashid Said Asghar - Pensyarah
2. Fail 100-ITMCPS (HEA-30/7B)

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1. Muqadimah	i
2. Surat penyerahan	ii
3. Penghargaan	1
4. Interpretasi logo	4
5. Sinopsis	5
6. Surat perjanjian	6
7. Pengenalan	8
8. Tujuan	9
9. Latar belakang syarikat	10
10. Latar belakang rakan kongsi	12
11. Latar belakang projek cadangan	16
12. Rancangan pentadbiran	19
13. Rancangan operasi	25
14. Rancangan pemasaran	40
15. Rancangan kewangan	50

SINOPSIS

Morras Landscaping Consultants adalah merupakan sebuah perniagaan yang memberikan perkhidmatan seminar mengenai perlanskapian kepada masyarakat masa kini khususnya di kawasan utara ini. Disisi juga kami memberi kemudahan dan kepuasan kepada pelanggan-pelanggan yang menyertai seminar ini. Morras Landscaping Consultant juga memberi jenis modul yang ditawarkan kepada pelanggan. Selain daripada itu Morras Landscaping Consultant juga beroperasi di City Plaza, Alor Setar, Kedah. Lokasi ini merupakan satu tempat yang strategik kerana ia terletak di kawasan pembangunan utara iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Dari segi kewangan, sebanyak RM103,665 telah disumbangkan oleh ahli kongsi yang seramai empat orang. Kami juga mendapat pinjaman modal sebanyak RM241,885 dari Bank Pertanian Malaysia. Kami juga yakin akan dapat membayar balik pinjaman modal dari bank berkenaan dalam masa yang telah ditetapkan iaitu dalam masa 10 tahun.

Dari segi pemasaran kami telah menjalankan berbagai bentuk promosi yang aktif bagi menjaminkan Morras Landscaping Consultant akan beroperasi dengan lancar. Diantara promosi-promosi yang telah kami dijalankan adalah seperti papan tanda, akhbar dan kad-kad perniagaan. Tujuan promosi ini diadakan untuk membolehkan pelanggan mengetahui kemunculan Morras Landscaping Consultant.

Dari segi operasi dan organisasi kami dapati bahawa seminar perlanskapian ini adalah baru dan mempunyai potensi yang agak baik untuk berkembang maju. Kami berharap pelanggan dapat menikmati pengalaman seminar ini dengan harga berpatutan dan perkhidmatan yang terbaik.

Kesimpulannya permintaan terhadap seminar mengenai perlanskapian ini adalah amat memberangsangkan. Selaras dengan Wawasan 2020, kami yakin perniagaan ini akan memperolehi kejayaan yang cemerlang.

PENGENALAN

Morras Landscaping Consultant adalah sebuah perniagaan yang dimiliki oleh sepenuhnya oleh bumiputera. Ia dikendalikan oleh empat orang rakan kongsi yang menyumbangkan tenaga masing-masing dalam perancangan dan perlaksanaan yang bakal dilaksanakan. Keempat rakan kongsi ini merupakan tulang belakang kepada perniagaan ini dan mempunyai pengalaman dalam bidang masing-masing.

Morras Landscaping Consultant adalah nama yang diberikan dan beralamat di. Lot 2.71, Tingkat Dua, City Plaza, Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar. lokasi ini adalah satu tempat yang strategik kerana berhampiran dengan lebuhraya Utara- Selatan. Ia juga terletak di kawasan yang pesat membangun dan mempunyai tempat yang ramai penduduk. Ini merupakan satu kelebihan kepada perniagaan ini.

Perniagaan ini dirancangkan adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghijaukan bumi terutamanya di kawasan bandar. Disamping itu juga dapat melahirkan masyarakat yang cintakan alam sekitar disamping menambahkan sumber pendapatan serta melahirkan peluang perkerjaan. Ini menunjukkan bahawa perlandskapan adalah penting untuk mengindahkan kawasan yang lama dan baru dibangunkan.

Diharapkan usaha kami membawaikan kejayaan dan menjadi pendorong kepada pihak-pihak lain yang ingin mencebur diri dalam perniagaan ini.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

NAMA PERNIAGAAN : MORRASS LANDSCAPING CONSULTANT
ALAMAT PERNIAGAAN : LOT 2.71, TINGKAT DUA, CITY PLAZA,
JALAN TUNKU IBRAHIM, ALOR SETAR.

NO. TELEFON : 04 – 8987664 / 016 – 2773415
BENTUK PERNIAGAAN : PERKONGSIAN
KEGIATAN UTAMA : MENGANJURKAN SEMINAR
PERLANSKAPAN
TARIKH MULA PERNIAGAAN : 1 JANUARI 2000
NOMBOR PENDAFTARAN :
MODAL PERMULAAN : RM 345,550